

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

KIA 363 - Kimia Bahan

Masa : (3 jam)

Jawab sebarang LIMA soalan.

Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi TUJUH soalan semuanya (6 muka surat)

1. (a) Suatu bahan A mempunyai struktur hablur berpusat jasad (KBJ) dengan panjang sel unitnya adalah l dan jejariinya adalah R . Tunjukkan bahawa l boleh dinyatakan sebagai

$$l = \frac{4R}{\sqrt{3}} .$$

(40 markah)

- (b) Nyatakan fungsi-fungsi fasa matriks di dalam komposit gentian tetulang. Jelaskan kenapa ikatan antara muka gentian dan matriks mesti kuat.

(30 markah)

- (c) Terangkan dengan ringkas perbezaan antara pembauran sendiri dengan pembauran antara.

(30 markah)

2. (a) Pekali pembauran besi di dalam nikel di dalam julat suhu 1473 - 1673 K adalah seperti berikut:

T (K)	Pekali pembauran, D, ($\text{m}^2 \text{s}^{-1}$)
1473	2.2×10^{-15}
1673	4.8×10^{-14}

Dengan menganggupkan bahawa pembauran besi menuruti hukum Arrhenius,

$$D = D_0 \exp - (Q_d/RT)$$

dengan D = pekali pembauran

D_0 = pemalar yang tak bergantung terhadap suhu

Q_d = tenaga pengaktifan

R = pemalar gas

T = suhu mutlak

- (i) Tentukan nilai-nilai D_0 dan Q_d .

- (ii) Kiralah nilai D pada suhu 1300°C .

(60 markah)

- (b) Takrifkan pengertian simen dan berikan jenis-jenis simen yang anda ketahui.

(40 markah)

3. Terangkan secara ringkas EMPAT daripada tajuk-tajuk berikut:

- (i) Pemejalan palsu
- (ii) Bahan pencepat
- (iii) Bahan campuran
- (iv) Bahan tambah
- (v) Tempoh induksi

(100 markah)

4. (a) Minyak mentah pada amnya mengandungi gas SO_2 , CO_2 dan bercampur dengan air laut. Jika keluli lembut digunakan sebagai paip penyalur dari terminal di luar pantai ke pantai, bincangkan

- (i) langkah-langkah pencegahan bagi melindungi bahagian luar dan dalam paip penyalur tersebut daripada mengalami kakisan, dan
- (ii) peranan SO_2 , CO_2 dan air laut dalam proses kakisan keluli paip penyalur.

(70 markah)

- (b) Apakah yang anda faham tentang larutan pepejal? Nyata dan bincangkan dengan ringkas faktor-faktor yang menentukan pembentukan suatu larutan pepejal?

(30 markah)

5. (a) Suatu aloi terdiri daripada 60% Fe dan 40% Ni. Jika aloi ini ditempatkan di persekitaran akueus yang tercemar dengan ion Cl^- dan ion Cu^{2+} , bincangkan,

- (i) jenis dan mekanisme kakisan yang mungkin dialami oleh aloi ini, dan
- (ii) apakah langkah-langkah pencegahan kakisan yang perlu dilakukan terhadap aloi ini?

(60 markah)

(b) Suatu bahan seramik AX mempunyai ketumpatan 2.10 g cm^{-3} dan sel unit kuib dengan saiz selnya ialah 0.57 nm . Jisim atom bagi unsur A dan X masing-masing ialah 28.5 dan 30.0 g mol^{-1} . Tentukan jenis struktur hablur bahan tersebut.

(40 markah)

6. (a) (i) Tuliskan persamaan lengkap tindak balas antara simen dengan air.
(ii) Berdasarkan tindak balas di atas bincangkan secara ringkas pengaruh suhu terhadap penghidratan, dengan memberikan contohnya.

(60 markah)

(b) Apakah yang anda faham tentang cacat kekosongan? Jika Li_2O ditambah sebagai bendasing ke dalam CaO . Apakah jenis kekosongan yang dijangkakan terbentuk, jika Li^+ menukargantikan Ca^{2+} .


(40 markah)

7. (a) Logam besi dapat dilindungi daripada kakisan dengan pelapisan zink atau timah.
- (i) Nyatakan mekanisme perlindungan yang dihasilkan oleh zink dan timah.
- (ii) Jika lapisan pelindung zink dan timah ini tercalar, adakah besi tersebut masih dilindungi daripada kakisan? Jelaskan.
- (iii) Adakah sesuai besi yang dilindungi dengan pelapisan zink dan timah digunakan di dalam air laut? Jelaskan jawapan anda.

(50 markah)

- (b) Suatu aloi dengan komposisi 25% Ni - 75% Cu disejukkan perlahan-lahan daripada suhu 1300°C kepada 1100°C .
- (i) Pada suhu berapakah pepejal- α mula terbentuk?
- (ii) Tentukan suhu pemejalan sempurna aloi ini berlaku.

- (iii) Kiralah komposisi cecair terakhir sebelum pemejalan sempurna berlaku.



(50 markah)

0000000